

Headline	Jaga benih perpaduan dengan baik		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	05 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	487 cm ²
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 16,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,362



'Jaga benih perpaduan dengan baik'

➔ PM mahu rakyat kekalkan hubungan kaum jamin keamanan kemakmuran negara

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
 hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mengingatkan rakyat supaya menjaga dengan baik 'pokok atau benih perpaduan' yang ditanam oleh pemimpin terdahulu supaya Malaysia kekal sebagai negara yang aman dan makmur.

Menggunakan analogi pokok damar minyak yang ditanamnya di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2004, Perdana Menteri berkata pokok itu dijaga dan dibaja dengan baik sehingga menjadi sebatang pokok besar dan kukuh.

"Jaga pokok ini (perpaduan) sebaik-baiknya, letak baja dan siram, jangan sekali-kali kita nak tebang pokok yang kita tanam ini sebab kalau kita tebang, bagi anai-anai makan dan jika pokok ini rebah, maka kita sudah tiada tempat perlindungan sama sekali.

"Jika itu terjadi, bererti Malaysia akan menjadi sebuah negara yang gagal. Tetapi sebaliknya ia tidak berlaku, kita menjadi sebuah negara yang berjaya.

Perpaduan sejak 60 tahun dahulu
 "Pokok (perpaduan) sudah ditanam 60 tahun dahulu dan pada hari ini rakyat dapat menikmati hasilnya dengan memetik buah-buahnya," katanya berucap pada sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di FRIM di sini, semalam.

Najib berkata, sebagai Perdana Menteri beliau komited untuk menjadikan Malaysia negara yang lebih berjaya pada masa akan datang.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Joseph Kurup dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom serta Pengerusi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Datuk Azman Amin Hassan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia pada hari ini adalah sebuah negara berbilang kaum dan agama yang bebas mengamalkan fahaman masing-masing berpandukan Perlembagaan.

Katanya, sekalipun Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama Islam ialah agama rasmi persekutuan, namun penganut agama lain boleh mengamalkan anutan mereka dengan aman dan damai.

"Kalau kita sebagai pewaris kepada pengasas negara kita mempertahankan Perlembagaan itu, membawa makna dan mengukuhkan lagi semangat serta prinsipnya, maka percayalah nescaya negara kita akan dalam keadaan aman dan harmoni," katanya.

Konsep 1Malaysia

Jika pada zaman Tun Abdul Razak Hussein diperkenalkan Rukun Negara, Najib berkata pada zaman beliau disambung dengan konsep 1Ma-

laysia.

"Kita tambah dengan konsep wasatiyyah, kesederhanaan yang dituntut Islam dan kita lanjutkan dengan apa saya cuba perkenalkan *moment of unity* (detik perpaduan).

"Jadi mari kita cari lebih banyak detik perpaduan. Umpamanya sambutan hari Krismas, Wesak, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Gawai dan Kaamatan sebagai sambutan kebangsaan. Walaupun kumpulannya kecil, kita raikan," katanya.



Pokok (perpaduan) sudah ditanam 60 tahun dahulu dan pada hari ini rakyat dapat menikmati hasilnya dengan memetik buah-buahnya"

Najib Razak,
 Perdana Menteri

Headline	Jaga benih perpaduan dengan baik		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	05 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	487 cm ²
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 16,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,362



Najib bersama Jamil Khir, Tan Sri Joseph Kurup (duduk tiga dari kiri) dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama pada sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di FRIM, Kepong, semalam.